

SOALAN NO: 462

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : DATO' DR. TAN KEE KWONG
[WANGSA MAJU]
RUJUKAN : BL8 [PR-1361-T02027]
SOALAN :

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan apakah status terkini bagi Pasar DBKL Jalan Gombak.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Wangsa Maju, seperti yang telah dimaklumkan sebelum ini, Pasar Besar Gombak akan ditransformasikan kepada sebuah pasar baharu yang lebih berdaya saing dan mudah dicapai oleh penduduk setempat. Di samping pembinaan unit kediaman RUMAWIP disebahagian tapak yang sama, ia dijangka dapat mewujudkan sebuah kawasan perumahan yang komprehensif dan kondusif.

Pada ketika ini, sesi '*engagement*' telah pun dibuat bersama pihak yang terlibat dan peniaga-peniaga dalam proses pemindahan secara berperingkat dan dijangka akan selesai sepenuhnya pada bulan April ini.

Projek ini akan terbahagi kepada 2 fasa yang mana fasa pertama akan didirikan sebuah bangunan pasar baharu 10 tingkat dan fasa ke-2 akan didirikan dengan sebuah bangunan kediaman yang mengandungi 900 unit RUMAWIP.

Status projek ini pada ketika ini adalah di peringkat pindaan Perintah Pembangunan.